

10 JUN 1996

Sanusi - Reaksi

PEMIMPIN KEDAH SAMBUT BAIK PERLANTIKAN SANUSI SEBAGAI MB BARU

ALOR SETAR, 10 Jun (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin di Kedah hari ini menyambut baik perlantikan bekas Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar yang baru menggantikan Tan Sri Haji Osman Aroff.

Mereka menyifatkan pemilihan Sanusi, Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuah, menyandang jawatan itu sebagai usaha untuk membawa lebih kemajuan dan kecemerlangan pembangunan di negeri ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kedah, Ahmad Lebai Sudin, berkata pergerakan itu akur dengan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memilih Sanusi sebagai Menteri Besar Kedah yang baru.

"Kita sokong penuh perlantikan Sanusi itu untuk kepentingan masyarakat dan pembangunan di negeri ini," katanya semasa dihubungi di sini, hari ini.

Osman hari ini mengumumkan perletakan jawatannya yang berkuatkuasa Ahad ini (16 Jun). Dr Mahathir pula telah memperolehi perkenan Sultan Kedah bagi perlantikan Sanusi sebagai Menteri Besar Kedah yang baru.

Ahmad, yang juga ADUN Bukit Lada, berkata perlantikan Sanusi diharap dapat mengeratkan lagi hubungan di kalangan pemimpin Umno.

Beliau juga berkata sebagai pemimpin, Osman diharap dapat menerima hakikat bahawa pemimpin itu datang dan pergi.

"Osman telah banyak memberi sumbangan yang baik terhadap negeri ini pada masa lepas," katanya.

Pengerusi MIC Kedah, V. Saravanan semasa dihubungi di sini turut mengalu-alukan perlantikan Sanusi sebagai Menteri Besar Kedah yang baru.

Beliau berkata sebagai bekas menteri kabinet, Sanusi mempunyai kepakaran yang sudah tentu dapat membawa pembangunan yang lebih pesat di negeri ini.

"MIC berharap dengan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh Sanusi semasa dalam kabinet akan membantunya membawa kemajuan dan kecemerlangan di negeri ini," katanya.

Saravanan, yang juga anggota EXCO negeri dan ADUN Bukit Selambau, berharap Sanusi dapat membawa lebih kemakmuran untuk penduduk Kedah termasuk masyarakat India.

"MIC juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada Osman yang telah banyak memberi sokongan padu kepada parti ini khasnya kepada masyarakat India sepanjang tempoh perkhidmatannya," katanya.

Timbalan Pengerusi MCA Kedah, Datuk Yong Pau Chak, pula berkata parti itu akan berkerjasama dengan Sanusi supaya kecemerlangan negeri ini dapat diteruskan.

"MCA menerima sesiapa sahaja yang dilantik sebagai Menteri Besar Kedah yang baru," katanya.

Anggota EXCO negeri, Abdul Razak Hashim, juga mengalu-alukan perlantikan Sanusi sebagai Menteri Besar.

Abdul Razak, yang juga ADUN Guar Cempedak, berkata dengan pengalaman dan perkhidmatan cemerlangnya, Sanusi dapat membantu membawa lebih kemajuan di negeri ini.

Sementara itu, Anggota Parlimen Yan, Datuk Badruddin Amiruldin turut memberi sokongan padu kepada Sanusi untuk terus membawa pembangunan yang mampu memberi kehidupan yang lebih selesa kepada penduduk negeri ini.

Beliau berkata sebagai anggota Umno, mereka mengikut keputusan pucuk pimpinan parti dan memberi sokongan padu. -- BERNAMA

BD MZM MFJ NAK